

# Perbankan Internet lebih mudah, selamat asalkan pengguna ambil langkah keselamatan sewajarnya

Transaksi secara dalam talian boleh dilakukan di mana-mana

## URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob  
azliayob@bharidn.com.my

**P**ERBANKAN internet menawarkan cara yang lebih mudah dan cepat untuk melakukan urusan perbankan anda.

Sekiranya anda mempunyai komputer dengan akses internet dan sudah mendaftar untuk menggunakan kemudahan perbankan internet dengan bank, anda boleh menjalankan perbankan internet dari mana-mana saja di seluruh dunia.

Antara urusan perbankan yang boleh dijalankan menggunakan perbankan internet adalah untuk menyemak baki akaun dan penyata

akaun secara dalam talian, mengemukakan permohonan secara dalam talian bagi akaun baru, memohon kad kredit atau kemudahan pinjaman.

Selain itu, pengguna juga boleh memindahkan wang di antara akaun kepada akaun milik sendiri atau pihak ketiga, membayar bil, kad kredit, pinjaman dan premium insurans.

Meskipun kedegaran amat menyenangkan pengguna, seperti sistem lain, penggunaan perbankan internet turut mengandungi risiko.

Bagaimanapun, tahap risiko boleh diminimumkan menerusi pemeriksaan sistem keselamatan secara berterusan oleh institusi perbankan dan sikap berhati-hati anda apabila meng-

gunakan perkhidmatan perbankan internet.

Antara langkah keselamatan yang diambil oleh institusi perbankan adalah menjalankan ujian ke atas sistem perbankan secara tetap bagi memastikan sistem itu sentiasa boleh dipercayai.

Pihak bank juga menyediakan pengaturan bagi keselamatan internet untuk memastikan infrastrukturnya dijamin selamat.

Selain itu, penggunaan pelbagai teknologi keselamatan termasuk perisian keselamatan, log keluar automatik dan alat pantau juga memastikan pengguna dapat menggunakan perbankan internet secara selamat.

Pemasangan sistem untuk mengesan dan menggagalkan serangan penceroboh atau 'hacker' juga diwujudkan.

Pihak bank turut menjalankan pemeriksaan berkala setiap enam bulan sekali bagi menilai tahap risiko yang mungkin wujud dan mengesan kelemahan yang mungkin pada sistem pengurusan risiko institusi perbankan.

Sebagai pengguna perbankan internet, pastikan anda mengetahui terma dan syarat yang antaranya merangkumi maklumat mengenai tanggungjawab institusi perbankan dan pelanggan, maklumat urusan niaga tanpa kebenaran atau penipuan serta cara anda akan dimaklumkan mengenai sebarang perubahan terma dan syarat.



PERBANKAN internet mempermudah dan mempercepatkan urusan harian.

Tidak kurang penting, anda juga perlu mengetahui maklumat berkaitan cara membuat aduan dan bagaimana aduan anda akan diselesaikan.

Namun, apa yang paling penting adalah anda juga perlu memainkan peranan dalam memastikan keselamatan transaksi perbankan anda menerusi internet.

Menurut Persatuan Bank-bank di-Malaysia, antara tindakan yang boleh diambil pelanggan bank adalah untuk mengambil langkah keselamatan yang perlu bila menggunakan perbankan internet.

Ini termasuk memastikan pengenalan diri bagi log masuk dan kata laluan atau nombor PIN dirahsiakan.

Anda dinasihatkan mengahalnya dan elakkan daripada menulisnya di mana sekali pun.

Justeru, anda dinasihatkan supaya selalu menukar kata laluan atau nombor PIN dan elakkan daripada menggunakan kata laluan yang mudah diteka dengan tepat seperti atau tarikh lahir.

Anda juga harus memastikan bahawa anda berada di laman web yang selamat dengan menyemak "Universal Resource Locators (URLs)" untuk memastikan URL bermula dengan "https".

Pengguna juga hendaklah sentiasa memasuki URL laman web secara terus iaitu dengan mengelak daripada

diarah masuk ke laman web itu atau pautan ke laman web berkenaan daripada laman web yang mungkin tidak dijamin keselamatannya.

Pasang perisian keselamatan peribadi dan program penentang virus yang ada reputasi dan hendaklah sentiasa memastikan sistem kendalian internet anda adalah yang terkini dan dilengkapi dengan ciri keselamatan terbaru untuk melindunginya daripada menjadi lemah dan mudah terjejas.

Anda juga dinasihatkan supaya jangan memuat turun sebarang fail atau perisian daripada laman web atau sumber yang kurang anda ketahui atau mema-

suki pautan yang dihantar oleh seseorang yang tidak dikenali.

Pembukaan fail sedemikian boleh mendedahkan sistem anda kepada virus komputer yang boleh mencuri maklumat peribadi anda, termasuk kata laluan atau nombor PIN anda.

Apabila anda menerima sesuatu program atau lampiran, periksa ia dengan program penentang virus yang terkini untuk memastikan bahawa ia tidak mengandungi virus yang boleh menyerang komputer peribadi anda.

Apabila selesai melaksanakan transaksi perbankan internet anda, pastikan anda log keluar.

Pengguna juga diingatkan supaya memadamkan sebarang transaksi selepas log keluar daripada laman web untuk menghapuskan sebarang maklumat mengenai akaun anda.

Ini adalah penting untuk mengelakkan maklumat yang tersimpan daripada diambil oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Langkah keselamatan lain termasuk jangan sekali-kali menghantar maklumat peribadi, terutama kata laluan atau nombor PIN anda melalui e-mel biasa.

Selain itu, elakkan daripada menggunakan komputer yang dikongsi bersama atau milik awam bagi mengendalikan transaksi perbankan internet anda.



PERBANKAN internet mampu jimat masa dan tenaga untuk orang ramai berurusan di bank.